



PANDUAN DAN PERATURAN MENGISI DOKUMEN TAWARAN PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN PTPTN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
LANGKAH 1 – CETAK DOKUMEN TAWARAN PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN PTPTN	2
LANGKAH 2 – SEMAK DOKUMEN TAWARAN PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN PTPTN	
LANGKAH 3 – SEDIAKAN SETEM HASIL	
LANGKAH 4 – LENGKAPKAN MAKLUMAT DOKUMEN TAWARAN PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN PTPTN	2 - 3
LANGKAH 5 – PEMBATALAN SETEM HASIL	3
LANGKAH 6 – MENYEDIAKAN DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN MENGIKUT SENARAI SEMAK	4
LANGKAH 7 – HANTAR DOKUMEN TAWARAN PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN PTPTN	4
SYARAT KELAYAKAN SAKSI PELAJAR	4
CONTOH MELENGKAPKAN DOKUMEN PERJANJIAN	5 - 21

LANGKAH 1 - CETAK DOKUMEN TAWARAN PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN PTPTN

1. Sila cetak dokumen tawaran daripada laman web yang mengandungi dokumen-dokumen berikut: -
 - a) Senarai Semak Dokumen
 - b) Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan
 - i. Akuan Penerimaan
 - ii. Surat Kebenaran 1 / 2 / 3 / 4
 - c) Dokumen Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan
 - d) Dokumen Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan
 - e) Lampiran A- Akuan Terimaan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian Pinjaman Pendidikan/ Pinjaman Semula Pendidikan
2. Pelajar perlu menyediakan **Dua (2) set dokumen** yang merangkumi perkara b), c) dan d) di atas. Bagi perkara a) dan e) hanya satu set.
3. Setiap cetakan dokumen tawaran mestilah menggunakan kertas putih bersaiz A4 (80 gsm) dengan menggunakan satu muka kertas untuk setiap satu (cetakan tidak dilakukan pada muka hadapan dan belakang pada helaian yang sama. Dakwat cetakan hendaklah berwarna hitam.

Peringatan:

Satu (1) set salinan perlu dicetak terus daripada komputer manakala set salinan kedua boleh dibuat salinan pendua (fotostat) sebelum pengisian dilakukan. Kedua-dua set tersebut perlu diisi dan ditandatangani oleh PELAJAR dan SAKSI.

LANGKAH 2 - SEMAK DOKUMEN TAWARAN PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN PTPTN

1. Sila semak butir-butir diri serta maklumat pengajian dan pinjaman seperti yang terdapat di dalam cetakan Dokumen Tawaran pinjaman Pendidikan PIPIN
2. Hanya pindaan pada ejaan **Nama, Alamat, Nama Bank dan Nombor Akaun Bank** yang dibenarkan. **Pindaan hendaklah dibuat pada Surat Tawaran Pinjaman serta mengisi Borang Perubahan Maklumat Pelanggan** (boleh diperolehi di dalam laman web PTPTN – www.ptptn.gov.my). Setiap pindaan mestilah disertakan dengan **salinan dokumen sokongan**.
3. Pindaan selain daripada maklumat yang dijelaskan di para 2 di atas adalah **tidak dibenarkan**. Pelajar **perlu membuat permohonan baru** sekiranya terdapat pembetulan pada maklumat tersebut.

LANGKAH 3 - SEDIAKAN SETEM HASIL

Setem Hasil bernilai RM10.00 disediakan sebanyak **dua (2)** keping iaitu RM10. 00 bagi setiap set Dokumen Perjanjian Pinjaman Pendidikan.

LANGKAH 4 – LENGKAPKAN MAKLUMAT DOKUMEN TAWARAN PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN PTPTN

Hanya boleh menggunakan pen/pen mata bulat (*ball point*) **BERDAKWAT HITAM** atau **BIRU** sahaja. Pastikan hanya satu warna pen digunakan.

Setiap dokumen hendaklah **DITULIS DENGAN TANGAN** dan **BERHURUF BESAR**.

Jika berlaku **KESILAPAN** semasa **MENGISI DOKUMEN TAWARAN**, pelajar perlu gariskan satu garisan lurus dan turunkan tandatangan ringkas di sebelah kanan setiap pembetulan (**dilarang sama sekali menggunakan sebarang getah atau cecair pemadam (liquid paper)**).

Kaedah mengisi **DOKUMEN PERJANJIAN PINJAMAN PENDIDIKAN**:

AKUAN PENERIMAAN, SURAT KEBENARAN 1, SURAT KEBENARAN 2, SURAT KEBENARAN 3 dan SURAT KEBENARAN 4

Pelajar perlu menurunkan **TANDATANGAN PELAJAR** dan mengisi **TARIKH PERJANJIAN** ditandatangani di ruangan yang disediakan.

PERJANJIAN PINJAMAN

Pelajar perlu menyemak maklumat pada **JADUAL PINJAMAN**.

Pelajar perlu menurunkan **TANDATANGAN PELAJAR** di ruangan yang disediakan.

Pelajar perlu memastikan butir-butir maklumat saksi dilengkapkan termasuk **TANDATANGAN SAKSI**. Sila rujuk Syarat Kelayakan Saksi Pelajar di mukasurat 4.

Sila kosongkan **TARIKH PERJANJIAN** pada bahagian (i) Jadual Pinjaman.

LAMPIRAN PERJANJIAN PINJAMAN

Pelajar perlu menurunkan tandatangan ringkas pada setiap **muka surat** pada ruangan yang disediakan.

LAMPIRAN A – AKUAN TERIMAAN SURAT TAWARAN DAN DOKUMEN PERJANJIAN PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN PTPTN

Pelajar perlu menurunkan **TANDATANGAN** dan menulis **TARIKH** perjanjian ditandatangani di ruangan yang disediakan.

Sila kosongkan tarikh serahan. Tarikh tersebut akan diisi/dimaklumkan oleh pegawai PTPTN ketika sesi serahan berlangsung di IPT.

LANGKAH 5 – PEMBATALAN SETEM HASIL

SETEM HASIL bernilai RM10.00 hendaklah ditampal di sudut kanan atas di muka hadapan Dokumen Perjanjian Pinjaman Pendidikan/Pinjaman Semula Pendidikan (muka surat 7/15) pada kedua-dua set (di ruangan yang disediakan).

Contoh: Sila rujuk **Rajah 1**. Urusan pembatalan Setem Hasil akan dilakukan oleh PTPTN.

Rajah 1

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

PERJANJIAN PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN



1. PERJANJIAN INI dibuat pada haribulan dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian I Jadual Pinjaman ANTARA Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (kemudian daripada ini disebut "PERBADANAN") sebagai pihak pertama DENGAN Peminjam seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian II Jadual Pinjaman (kemudian daripada ini disebut "PEMINJAM") sebagai pihak kedua. PERJANJIAN INI adalah berasaskan kaedah Ujrah (Upah) di mana PERBADANAN sebagai Pemberi Khidmat Pengurusan Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan akan mengenakan upah (kemudian daripada ini disebut "Upah Pengurusan Pinjaman") kepada PEMINJAM sebagai Penerima Pinjaman Pendidikan/ Pinjaman Semula Pendidikan.

2. Sebagai balasan bagi Perkara-Perkara yang tersebut di dalam Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan, PERBADANAN dengan ini bersetuju untuk menguruskan Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan PEMINJAM seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian III Jadual Pinjaman (kemudian daripada ini disebut "Pinjaman Tersebut") dan tertakluk kepada Fasal 1 (i) Lampiran Perjanjian (jika berkaitan), yang akan dikeluarkan secara berperingkat seperti yang dinyatakan dalam Fasal 2 Lampiran Perjanjian ini untuk sepanjang tempoh pengeluaran Pinjaman yang telah diluluskan oleh PERBADANAN. Pinjaman tersebut akan dikeluarkan oleh PERBADANAN terus kepada akaun bank PEMINJAM, di bank seperti yang dinyatakan di

LANGKAH 6 – MENYEDIAKAN DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN MENGIKUT SENARAI SEMAK

Dokumen sokongan perlu disediakan dan disusun sepertimana yang dinyatakan di dalam Senarai Semak. Hanya satu (1) salinan dokumen sokongan diperlukan.

Salinan dokumen sokongan hendaklah disediakan dengan menggunakan kertas **BERSAIZ A4** berwarna putih dan **tidak perlu disahkan**. Salinan dokumen sokongan hendaklah dipalang dua (2) garisan lurus dan ditulis “**Kegunaan PTPTN Sahaja**”.

LANGKAH 7 – HANTAR DOKUMEN TAWARAN PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN PTPTN

Dokumen yang telah dilengkapkan dan perlu dikembalikan segera kepada PTPTN ialah:

- a) Senarai Semak Dokumen dan Lampiran A- Akuan Terimaan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan – satu (1) set
- b) Dua (2) set bagi setiap dokumen berikut: *
 - i. Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan;
 - ii. Akuan Penerimaan;
 - iii. Surat Kebenaran 1, 2, 3 dan 4;
 - iv. Dokumen Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan yang telah dilekatkan Setem Hasil
 - v. Dokumen Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan/ Pinjaman Semula Pendidikan;

* Nota: Setiap satu set adalah untuk **Pelajar dan PTPTN**. Satu set salinan pelajar akan diserahkan kepada pelajar setelah pegawai PTPTN melengkapkan ruangan di mukasurat 9/15.

- c) Maklumat Permohonan Pinjaman
- d) Dokumen sokongan yang diperlukan mengikut Senarai semak.
- e) Dokumen di atas hendaklah disusun mengikut senarai semak dan **DISERAHKAN** kepada PTPTN semasa Sesi **Serahan dan Penerimaan Dokumen Perjanjian** yang dihadiri oleh pegawai petugas PTPTN di IPT masing-masing. Pelajar yang tidak dapat hadir semasa sesi berkenaan hendaklah menyerahkan dokumen tersebut terus kepada Pejabat PTPTN yang berdekatan dalam tempoh sah laku yang ditetapkan.

SYARAT KELAYAKAN SAKSI PELAJAR

1. Saksi hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia.
2. Individu yang layak menjadi **SAKSI PELAJAR** adalah seperti berikut:
 - a) Wakil Rakyat/Senator
 - b) Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional
 - c) Pengamal Undang-undang
 - d) Jaksa Pendamai
 - e) Pengetua/ Guru Besar (sekolah kerajaan sahaja)
 - f) Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas/ Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas.
 - g) Ketua Kampung/ Penggawa/ Penghulu/ Ketua Masyarakat/ Sidang/ Pegawai Pembangunan Mukim/
 - h) Pengerusi JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung).
 - i) Untuk SABAH dan Sarawak – Ketua Kaum/ Ketua Anak Negeri/ Kapitan/ Pemanca/ Pegawai Taman Sabah.
 - j) Pegawai-pegawai IPTS yang mendapat kebenaran bertulis daripada PTPTN.
3. Cop saksi hendaklah lengkap mempunyai **nama, jawatan dan jabatan/alamat di mana pegawai bertugas**).

PERHATIAN!

Pihak PTPTN berhak menolak dokumen yang tidak lengkap, tidak kemas, kotor dan terlalu banyak kesilapan serta saksi yang tidak layak.

Dikemaskini sehingga 08 Januari 2019

CONTOH DOKUMEN TAWARAN PINJAMAN PENDIDIKAN PTPTN YANG LENGKAP

SEMAKAN SENARAI DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN MENGIKUT TURUTAN

Nama Peminjam : MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM
Nombor Kad Pengenalan : 950515045393
Institusi : UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (KAMPUS GOMBAK, SELANGOR)

Bil	Perkara	Untuk kegunaan PTPTN
DOKUMEN PERJANJIAN		
1	Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan	2 Salinan
2	Akuan Penerimaan	2 Salinan
3	Surat Kebenaran 1, 2, 3 dan 4	2 Salinan
4	Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan	2 Salinan
5	Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan - Ditandatangani ringkas oleh Peminjam di setiap muka surat.	2 Salinan
6	Lampiran A - Akuan Terimaan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian	1 Salinan
DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DISERTAKAN		
1.	Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke IPT - Satu (1) salinan perlu disediakan dengan menggunakan kertas BERSAIZ A4 berwarna putih dan TIDAK PERLU DISAHKAN. - Dipalang dua (2) garisan lurus dan ditulis "Kegunaan PTPTN Sahaja".	1 Salinan

PERHATIAN!

- "Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk memastikan bahawa kursus pengajian yang diikuti telah diluluskan pihak berkaitan dan syarat kelayakan masuk kursus telah dipatuhi. PTPTN berhak untuk membatalkan kelulusan tawaran pinjaman sekiranya berlaku ketidakpatuhan syarat kelayakan masuk, terdapat perbezaan maklumat permohonan dan tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan."
- Dokumen perjanjian yang lengkap diisi berdasarkan panduan pengisian hendaklah diserahkan kepada PTPTN dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat tawaran. Dokumen perjanjian yang tidak mematuhi panduan pengisian akan ditolak dan perlu dikembalikan semula kepada PTPTN dalam tempoh sah laku. Dokumen perjanjian yang telah melebihi tempoh sah laku akan dibatalkan. Peminjam dikehendaki membuat permohonan baharu sekiranya masih berminat untuk mendapatkan pinjaman PTPTN.

Untuk kegunaan PTPTN sahaja:

STATUS PERMOHONAN: TERIMA / TOLAK

Catatan: _____

Disemak oleh (Pegawai PTPTN):

Syarifah

.....

Tarikh:10.../....01.../....2019....

(Nama Pegawai & Cop Rasmi Jawatan)

Syarifah binti Ali
 Penolong Pegawai Tadbir
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional



Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur

PTPTN-P-03/24-2016 Pin.7
Tel Careline: 03-2193 3000
Laman Web: www.ptptn.gov.my
Aduan: http://icare.ptptn.gov.my

MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM
NO 31 JALAN INDAH 10
TAMAN PENGKALAN IMPIAN
78000 ALOR GAJAH
MELAKA

NOMBOR SURAT : **2019/05813318**
TAWARAN
TARIKH : **08/01/2019**

SURAT TAWARAN PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN

Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan adalah ditawarkan Pinjaman Pendidikan/ Pinjaman Semula Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berasaskan kaedah Ujrah (Upah). Maklumat tawaran seperti berikut:

(i)	INSTITUSI	UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (KAMPUS GOMBAK, SELANGOR)
(ii)	JURUSAN	SASTERA
(iii)	KURSUS /PROGRAM	SEPENUH MASA-IJAZAH SARJANA MUDA ILMU WAHYU & WARISAN ISLAM (USULUDDIN & PERBANDINGAN AGAMA) (KEPUJIAN)
(iv)	JENIS PENGAJIAN	SEPENUH MASA
(v)	PERINGKAT PENGAJIAN	IJAZAH PERTAMA SEPENUH MASA
(vi)	TEMPOH PENGELUARAN PINJAMAN	10 SEMESTER
(vii)	JUMLAH PINJAMAN YANG DILULUSKAN	RM23,402.68
	a. PENYELESAIAN PINJAMAN TERDAHULU	RM0.00
	b. TAKAFUL	RM252.68
	c. BAKI PINJAMAN AKAN DIBAYAR*	RM23,150.00
	*(IJAZAH PERTAMA SEPENUH MASA)	
(viii)	TEMPOH BAYARAN BALIK	15 TAHUN
(ix)	UPAH PENGURUSAN PINJAMAN	RM3,510.40 (JUMLAH PINJAMAN YANG DILULUSKAN X 1% SETAHUN X TEMPOH BAYARAN BALIK)
(x)	ANSURAN BULANAN	RM149.52 SELAMA 180 BULAN
(xi)	CARA BAYARAN BALIK	PEMINJAM YANG BEKERJA DAN MEMPUNYAI PENDAPATAN BERGAJI HENDAKLAH MEMBAYAR ANSURAN BULANAN MELALUI MAJIKAN MASING-MASING

2. Tempoh Bayaran Balik (Perkara viii), Upah Pengurusan Pinjaman (Perkara ix) dan Ansuran Bulanan (Perkara x) akan berubah setelah bayaran balik melalui Potongan Gaji Berjadual dilaksanakan. PERBADANAN akan memaklumkan perubahan-perubahan tersebut secara bertulis melalui Notis yang dikeluarkan berdasarkan kaedah yang dipersetujui di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan/Pinjaman Semula Pendidikan.

3. Sekiranya tuan/puan bersetuju menerima tawaran ini, sila lengkapkan Dokumen Perjanjian dan kembalikannya bersama-sama dokumen sokongan kepada PTPTN dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat ini. Sekiranya dokumen-dokumen tersebut tidak dikembalikan dengan lengkap dalam tempoh tersebut, tawaran ini boleh dibatalkan oleh PTPTN atas budi bicara mutlak.

4. Walau apa pun peruntukan di dalam surat ini, PTPTN berhak meminda syarat-syarat dan terma-terma yang ditetapkan pada bila-bila masa berdasarkan keperluan tertentu dan tuan/puan adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. PTPTN juga berhak menarik balik tawaran ini tanpa perlu memberi sebarang sebab.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(RUSYAIZUL BIN HUSAIN)

b.p. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Dokumen ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan
"Dana Pendidikan Pemangkin Pembangunan Negara"

1/15

PTPTN-P-03/24-2016 Pin.7

AKUAN PENERIMAAN

NAMA PEMINJAM	MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM
NOMBOR KAD PENGENALAN	950515045393
KURSUS / PROGRAM	SEPENUH MASA-IJAZAH SARJANA MUDA ILMU WAHYU & WARISAN ISLAM (USULUDDIN & PERBANDINGAN AGAMA) (KEPUJIAN)
INSTITUSI	UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (KAMPUS GOMBAK, SELANGOR)
NOMBOR SURAT TAWARAN	2019/05813318
TARIKH SURAT TAWARAN	08/01/2019
NOMBOR AKAUN BANK	04020009211721
NAMA BANK	BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)

Saya seperti nama di atas telah membaca dan memahami segala syarat dan terma Pinjaman seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Pinjaman / Pinjaman Semula Pendidikan mengikut nombor dan tarikh surat tawaran yang tertera di atas.

Saya bersetuju menerima tawaran Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional berasaskan kaedah Ujrah (Upah) seperti yang terkandung dalam surat tawaran tersebut.

Saya juga mengesahkan bahawa nombor kad pengenalan, kursus/program dan institusi, nombor akaun dan nama bank yang tertera di atas adalah betul.

Tandatangan : *ammor*
.....

Tarikh :10..... /01..... / ...2019....

PTPTN-P-03/24-2016 Pin.7

SURAT KEBENARAN 1

NAMA PEMINJAM MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM
NOMBOR KAD PENGENALAN 950515045393
ALAMAT NO 31 JALAN INDAH 10
TAMAN PENGKALAN IMPIAN
78000 ALOR GAJAH
MELAKA

Tarikh10..... /01..... /2019.....

Kepada:

Tuan,

KEBENARAN/KEIZINAN MENGHUBUNGI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI/KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA/PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL/BANK/MANA-MANA AGENSI LAIN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT PERIBADI PEMINJAM

NOMBOR SURAT TAWARAN : 2019/05813318 **TARIKH :** 08/01/2019

Saya seperti nama di atas, membenarkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk menghubungi agensi-agensi yang tersebut di atas bagi tujuan mendapatkan maklumat peribadi saya pada bila-bila masa diperlukan bagi menguatkuasakan Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan dan/atau dalam menjalankan fungsi-fungsi PTPTN.

2. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan yang diluluskan oleh PTPTN mengikut Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan seperti di atas.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

ammal

(Tandatangan Peminjam)

SURAT KEBENARAN 2

NAMA PEMINJAM MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM
NOMBOR KAD PENGENALAN 950515045393
ALAMAT NO 31 JALAN INDAH 10
TAMAN PENGKALAN IMPIAN
78000 ALOR GAJAH
MELAKA

Tarikh10..... /01..... /2019.....

Kepada:

Tuan,

KEBENARAN/KEIZINAN PEMOTONGAN GAJI KEPADA MAJIKAN BERKENAAN UNTUK BAYARAN BALIK PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

NOMBOR SURAT TAWARAN : 2019/05813318 **TARIKH :** 08/01/2019

Saya seperti nama di atas, dengan ini bersetuju memberi kebenaran/keizinan kepada tuan supaya memotong sebahagian/sejumlah amaun yang ditentukan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada gaji saya untuk dibayar kepada PTPTN sebagai bayaran balik Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan PTPTN.

2. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan yang diluluskan oleh PTPTN mengikut Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan seperti di atas.
3. Surat ini sah sehingga keseluruhan Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan tersebut dilunaskan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

ammaz

(Tandatangan Peminjam)

PTPTN-P-03/24-2016 Pin.7

SURAT KEBENARAN 3

NAMA PEMINJAM MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM
NOMBOR KAD PENGENALAN 950515045393
ALAMAT NO 31 JALAN INDAH 10
TAMAN PENGKALAN IMPIAN
78000 ALOR GAJAH
MELAKA

Tarikh10..... /01..... /2019.....

Kepada: JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) / MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) / LAIN-LAIN
PENAJA

Tuan,

KEBENARAN/KEIZINAN PEMOTONGAN BIASISWA/DERMASISWA/PEMBIAYAAN/PINJAMAN/TAJAAN ATAU LAIN-LAIN BENTUK BANTUAN KEWANGAN UNTUK BAYARAN BALIK PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

NOMBOR SURAT TAWARAN : 2019/05813318 **TARIKH :** 08/01/2019

Saya seperti nama di atas, dengan ini bersetuju memberi kebenaran/keizinan kepada tuan supaya memotong sebahagian/sejumlah amaun yang ditentukan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada biasiswa/dermasiswa/pembiayaan/pinjaman/tajaan Pendidikan saya yang diperolehi selain daripada PTPTN untuk dibayar kepada PTPTN sebagai bayaran balik Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan PTPTN.

2. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan yang diluluskan oleh PTPTN mengikut Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan seperti di atas.

3. Surat ini sah sehingga keseluruhan Pinjaman tersebut dilunaskan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

ammaz

(Tandatangan Peminjam)

SURAT KEBENARAN 4

NAMA PEMINJAM MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM
NOMBOR KAD PENGENALAN 950515045393
ALAMAT NO 31 JALAN INDAH 10
TAMAN PENGKALAN IMPIAN
78000 ALOR GAJAH
MELAKA
Tarikh10..... /01..... /2019.....

Kepada:

Tuan,

KEBENARAN/KEIZINAN PENZAHIRAN MAKLUMAT PINJAMAN PENDIDIKAN/PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN PEMINJAM

NOMBOR SURAT TAWARAN : 2019/05813318 **TARIKH :** 08/01/2019

Saya seperti nama di atas, membenarkan PERBADANAN Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk menzahirkan maklumat berkaitan Perjanjian Pinjaman Pendidikan/Pinjaman Semula Pendidikan saya kepada pihak-pihak ketiga yang bekerjasama dengan PTPTN pada bila-bila masa diperlukan bagi tujuan menguatkuasakan Perjanjian Pinjaman Pendidikan/ Pinjaman Semula Pendidikan dan/atau menjalankan fungsi-fungsi PTPTN.

2. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan yang diluluskan oleh PTPTN mengikut Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan seperti di atas.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

ammam

(Tandatangan Peminjam)

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

PERJANJIAN PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN



1. PERJANJIAN INI dibuat pada haribulan dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian I Jadual Pinjaman ANTARA Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (kemudian daripada ini disebut "PERBADANAN") sebagai pihak pertama DENGAN Peminjam seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian II Jadual Pinjaman (kemudian daripada ini disebut "PEMINJAM") sebagai pihak kedua. PERJANJIAN INI adalah berasaskan kaedah Ujrah (Upah) di mana PERBADANAN sebagai Pemberi Khidmat Pengurusan Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan akan mengenakan upah (kemudian daripada ini disebut "Upah Pengurusan Pinjaman") kepada PEMINJAM sebagai Penerima Pinjaman Pendidikan/ Pinjaman Semula Pendidikan.
2. Sebagai balasan bagi Perkara-Perkara yang tersebut di dalam Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan, PERBADANAN dengan ini bersetuju untuk menguruskan Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan PEMINJAM seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian III Jadual Pinjaman (kemudian daripada ini disebut "Pinjaman Tersebut") dan tertakluk kepada Fasal 1 (i) Lampiran Perjanjian (jika berkaitan), yang akan dikeluarkan secara berperingkat seperti yang dinyatakan dalam Fasal 2 Lampiran Perjanjian ini untuk sepanjang tempoh pengeluaran Pinjaman yang telah diluluskan oleh PERBADANAN. Pinjaman tersebut akan dikeluarkan oleh PERBADANAN terus kepada akaun bank PEMINJAM, di bank seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian IV Jadual Pinjaman, yang disahkan oleh PEMINJAM bernombor seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian V Jadual Pinjaman atau lain-lain cara yang diputuskan lebih sesuai oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa.
3. PEMINJAM dengan ini bersetuju untuk membayar balik Pinjaman Tersebut beserta dengan Upah Pengurusan Pinjaman sebagaimana syarat-syarat dan terma-terma yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
4. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa apa-apa tambahan atau pindaan kepada Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan/ Pinjaman Semula Pendidikan seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian VI Jadual Pinjaman dan Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan, apa-apa Pekeliling Rasmi PERBADANAN dan/atau Notis Makluman yang dikeluarkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa melalui apa-apa cara sekali pun hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.
5. Adalah juga dipersetujui bahawa kedua-dua pihak adalah terikat dengan apa-apa polisi dan dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa termasuk gaji minimum bagi Potongan Gaji Berjadual (PGB) dan kadar potongan gaji.

MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM (950515045393)

PTPTN-P-03/24-2016 Pin.7

JADUAL PINJAMAN

BAHAGIAN	PERKAR	BUTIR-BUTIR
I)	TARIKH PERJANJIAN	PADA: HARIBULAN: TAHUN:
II)	NAMA PEMINJAM	MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM
	NOMBOR KAD PENGENALAN	950515045393
III)	JUMLAH PINJAMAN YANG DILULUSKAN	RM23,402.68
IV)	NAMA BANK	BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)
V)	NOMBOR AKAUN BANK	04020009211721
VI)	NOMBOR SURAT TAWARAN	2019/05813318
VII)	UPAH PENGURUSAN PINJAMAN	RM3,510.40 (JUMLAH PINJAMAN YANG DILULUSKAN X 1% SETAHUN X TEMPOH BAYARAN BALIK)
VIII)	TEMPOH BAYARAN BALIK	15 TAHUN
IX)	POTONGAN GAJI BERJADUAL	BAHAGIAN VII DAN VIII AKAN BERUBAH APABILA BAYARAN BALIK MELALUI POTONGAN GAJI BERJADUAL DILAKSANAKAN DAN PERBADANAN AKAN MEMAKLUMKAN PERUBAHAN-PERUBAHAN TERSEBUT SECARA BERTULIS MELALUI NOTIS BERDASARKAN KAEDAH YANG DIPERSETUJUI
X)	TARIKH PERMULAAN BAYARAN BALIK	TIDAK LEWAT DARI DUA BELAS (12) BULAN SELEPAS TAMAT TEMPOH PENGELUARAN PINJAMAN DAN APABILA GAJI PEMINJAM MENCAPAI GAJI MINIMUM POTONGAN GAJI BERJADUAL.
XI)	ALAMAT EMEL	ammar@gmail.com.my

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami syarat-syarat dan terma-terma Pinjaman yang dinyatakan di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan ini termasuk Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan yang akan dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini dan pihak-pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini BERSETUJU menurunkan tandatangan dan meterai mereka di sini pada haribulan dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian I Jadual Pinjaman untuk mematuhi segala syarat dan terma Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan ini.

Ditandatangani oleh PEMINJAM

)

ammar

.....
(Tandatangan PEMINJAM)

Nama PEMINJAM:

MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM

Disaksikan oleh:

Nama Saksi:

)

No. Kad Pengenalan:

)

Salwani

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan

)

.....
(Tandatangan Saksi PEMINJAM)

Salwani Binti Ibrahim
Pegawai Psikologi
Universiti Teknologi MARA PAHANG
26400 Bandar Jengka
Pahang Darul Makmur
K/P : 770827-06-5752

MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM (950515045393)

PTPTN-P-03/24-2016 Pin.7

Ditandatangani bagi pihak PERBADANAN

) *Nazirah*

.....
(Tandatangan Pegawai PERBADANAN)

Nama Pegawai:

Siti Nazirah binti Azmi
830630-01-5224
Penolong Pengurus
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Disaksikan Oleh:

Nama Saksi

)

No. Kad Pengenalan:

)

Kamelia

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan

)

.....
(Tandatangan Saksi PERBADANAN)

Nur Kamelia binti Suhaimi
850218-03-5286
Penolong Pengurus
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM (950515045393)

PTPTN-P-03/24-2016 Pin.7

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

LAMPIRAN PERJANJIAN PINJAMAN PENDIDIKAN / PINJAMAN SEMULA PENDIDIKAN

BAHAWASANYA PERBADANAN telah bersetuju untuk menguruskan Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan, (kemudian daripada ini disebut "Pinjaman Tersebut") kepada PEMINJAM tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI PERKARA-PERKARA BERIKUT: -

1. PEMINJAM, dengan ini bersetuju:
 - (a) bahawa PEMINJAM, akan menumpukan sepenuh perhatian kepada kursus pengajian yang diikuti dengan menghadiri kuliah, tutorial, latihan amali dan sebagainya serta memasuki semua ujian atau peperiksaan yang disyaratkan dalam kursus pengajiannya di universiti, kolej atau institusi sebagaimana yang diluluskan oleh PERBADANAN;
 - (b) bahawa PEMINJAM, semasa dalam tempoh kursus pengajian itu, akan mematuhi apa-apa peraturan dan tata tertib sebagaimana yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dalam universiti, kolej atau institusi tersebut;
 - (c) bahawa PEMINJAM, semasa dalam tempoh kursus pengajian itu tidak akan –
 - (i) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
 - (ii) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, yang bukannya suatu parti politik, yang ditetapkan oleh pihak berkuasa universiti, kolej atau institusi sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan PEMINJAM, universiti, kolej atau institusi tersebut; atau
 - (iii) terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus universiti, kolej atau institusi tersebut;
 - (d) bahawa PEMINJAM, tidak boleh menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap –
 - (i) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
 - (ii) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa universiti, kolej atau institusi sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan PEMINJAM, universiti, kolej atau institusi itu;
 - (e) bahawa PEMINJAM, bertanggungjawab sepenuhnya membayar daripada Pinjaman Tersebut yuran pengajian dan apa-apa kos lain yang dikenakan oleh universiti, kolej atau institusi di mana PEMINJAM mengikuti kursus pengajian tersebut;
 - (f) bahawa Pinjaman Tersebut dikenakan Upah Pengurusan Pinjaman sebanyak 1% setahun atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa sepanjang tempoh PERBADANAN memberikan khidmat menguruskan pinjaman PEMINJAM;
 - (g) bahawa penentuan tarikh sebenar tamat tempoh pengeluaran Pinjaman dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan adalah ditentukan oleh PERBADANAN atas budi bicara mutlakanya;
 - (h) bahawa PEMINJAM, hendaklah membayar balik Pinjaman Tersebut beserta Upah Pengurusan yang akan dikenakan sepanjang tempoh PERBADANAN menguruskan pinjaman PEMINJAM (kemudian daripada ini disebut "Keseluruhan Pinjaman Tersebut").

ammam

Tandatangan ringkas

.....
T.T Peminjam

MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM (950515045393)

PTPTN-P-03/24-2016 Pin.7

- (i) bahawa PEMINJAM bagi Pinjaman Semula Pendidikan (jika berkaitan) membenarkan PERBADANAN membuat potongan terlebih dahulu untuk menjelaskan takaful.
- (j) bahawa PEMINJAM bagi Pinjaman Semula Pendidikan (jika berkaitan) adalah bersetuju bahawa hanya baki pinjaman sebagaimana di Perenggan (vii) (c) Surat Tawaran Pinjaman akan diserahkan kepada PEMINJAM mengikut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan ini. Sekiranya terdapat sebarang pelepasan dan/atau pengecualian yang diberikan ke atas apa-apa pinjaman yang bagi PERBADANAN boleh dilepaskan dan/atau dikecualikan, ianya adalah tidak akan melepaskan tanggungan PEMINJAM terhadap pinjaman-pinjaman lain.
- (k) bahawa segala maklumat berkaitan dengan Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan boleh diberikan oleh PERBADANAN kepada mana-mana biro Pinjaman/Pinjaman atau agensi yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia, mana-mana biro lain yang diluluskan oleh Persatuan Syarikat-Syarikat Kewangan di Malaysia dan pihak-pihak ketiga lain yang berkemungkinan berurusan dengan PEMINJAM dan, pihak PERBADANAN tidak akan menanggung apa-apa liabiliti jika berlaku sebarang kerugian atau kehilangan sama ada secara langsung atau tidak langsung. PERBADANAN juga berhak pada bila-bila masa untuk meminta pihak-pihak di atas menahan apa-apa kemudahan yang dipohon oleh PEMINJAM.
- (l) bahawa penzahiran maklumat berkaitan dengan Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan boleh dibuat oleh PERBADANAN kepada mana-mana pihak ketiga yang bekerjasama dengan Perbadanan bagi tujuan kutipan balik Pinjaman Tersebut jika Perbadanan mendapati bahawa penzahiran sewajarnya perlu untuk tujuan tersebut; dan
- (m) membenarkan PERBADANAN menyiarkan maklumat PEMINJAM yang gagal menjelaskan Keseluruhan Pinjaman Tersebut di dalam mana-mana siaran media sebaran am termasuk akhbar, televisyen, radio dan laman web. PERBADANAN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, secara langsung atau tidak langsung, yang diakibatkan oleh pendedahan berkenaan, sama ada kepada PERBADANAN atau mana-mana pihak lain.
2. Pinjaman Tersebut akan dikeluarkan secara berperingkat mengikut kaedah pengajian yang dijalani oleh PEMINJAM (penggal atau semester) yang dikira secara pro-rata. Jika PEMINJAM digantung mana-mana penggal atau semester, atau memperolehi keputusan peperiksaan bagi semester tersebut kurang daripada tahap yang ditetapkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa, maka PERBADANAN berhak menggantung pengeluaran Pinjaman Tersebut bagi tempoh penggantungan itu. Pengeluaran Pinjaman Tersebut boleh atas budi bicara mutlak PERBADANAN disambung semula apabila PEMINJAM menyambung semula pengajian atau mendapat keputusan peperiksaan sebagaimana yang ditetapkan oleh PERBADANAN.
3. Walau apa pun yang tersebut di atas, PERBADANAN boleh menurut budi bicara mutlaknya untuk menentukan kaedah pengeluaran yang sesuai bagi PEMINJAM termasuklah dengan membenarkan pihak universiti, kolej atau institusi membuat pemotongan daripada Pinjaman Tersebut sejumlah amaun untuk tujuan bayaran yuran pengajian dan apa-apa kos lain yang dikenakan oleh universiti, kolej atau institusi di mana PEMINJAM mengikuti kursus pengajiannya. PERBADANAN juga berhak untuk menamatkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan sekiranya PEMINJAM menamatkan pengajiannya lebih awal daripada tempoh pengeluaran Pinjaman Tersebut.
4. Sekiranya PEMINJAM perlu untuk menukarkan nombor akaun dan bank kepada yang baru, PEMINJAM hendaklah memaklumkan nombor akaun dan bank yang baru itu secara bertulis kepada PERBADANAN secepat mungkin dan surat berkenaan hendaklah dibaca bersama-sama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan.
5. Walau apapun peruntukkan Fasal 4 di atas, PERBADANAN boleh sekiranya difikirkan suai manfaat, membuat perkiraan dengan mana-mana bank untuk menukar nombor akaun dan bank baharu PEMINJAM bagi tujuan pengeluaran Pinjaman Tersebut.
6. Untuk melindungi kepentingan PERBADANAN akibat kematian atau apa-apa keilatan kekal menyeluruh yang dialami oleh PEMINJAM di sepanjang tempoh PERBADANAN menguruskan pinjaman PEMINJAM, PERBADANAN adalah berhak mengikut budi bicara mutlaknya mengambil dan memenuhi apa-apa prosedur bagi mengambil termasuk memberikan akad bagi pihak PEMINJAM perlindungan insurans/takaful ke atas Pinjaman Tersebut dan PEMINJAM adalah dikehendaki menanggung semua kos termasuk bagi perlindungan insurans/takaful tersebut. PEMINJAM adalah dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh dibatalkan untuk membenarkan PERBADANAN memotong terus kos perlindungan insurans/takaful ini daripada Pinjaman Tersebut yang dikeluarkan oleh PERBADANAN kepada PEMINJAM atau mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan oleh PERBADANAN. Walau apa pun peruntukan di atas, PERBADANAN atas budi bicara mutlaknya berhak untuk menuntut daripada PEMINJAM, waris-waris, wasi-wasi penerima-penerima serahak PEMINJAM, apa-apa jumlah yang masih terhutang kepada PERBADANAN yang tidak dilindungi insurans/takaful.

ammam

Tandatangan ringkas

.....
T.T Peminjam

MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM (950515045393)

PTPTN-P-03/24-2016 Pin.7

7. PEMINJAM yang bekerja dan mempunyai pendapatan bergaji dikehendaki membuat pembayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut melalui kaedah potongan gaji oleh majikan masing-masing. Sebarang kelonggaran kepada Fasal ini adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak PERBADANAN.
8. PERBADANAN adalah berkuasa memaklumkan secara bertulis kepada seseorang majikan yang mengambil PEMINJAM bekerja untuk memotong daripada gaji PEMINJAM apa-apa jumlah wang yang merupakan amaun bayaran balik bulanan yang dikehendaki daripada PEMINJAM bagi tujuan pelepasan Keseluruhan Pinjaman Tersebut dan kemudiannya diremitkan kepada PERBADANAN. Bagi PEMINJAM yang bekerja sendiri, PEMINJAM hendaklah membuat pembayaran balik bagi tujuan pelepasan Keseluruhan Pinjaman Tersebut terus kepada PERBADANAN atau mana-mana ejen lain yang dilantik mengikut jumlah ansuran bulanan yang ditetapkan melalui Potongan Gaji Berjadual.
9. PERBADANAN berhak mengenakan Upah Pengurusan Pinjaman pada kadar 1% setahun atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa ke atas Pinjaman Tersebut sepanjang tempoh PERBADANAN menguruskan pinjaman PEMINJAM.
10. Tiada apa-apa yang terkandung dalam Fasal 7 boleh menjejaskan hak dan kuasa PERBADANAN untuk menuntut bayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut terus daripada PEMINJAM.
11. Bagi PEMINJAM yang gagal membuat pembayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut menurut Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan, PERBADANAN boleh memberi notis kepada PEMINJAM supaya membayar balik sekaligus baki Keseluruhan Pinjaman Tersebut termasuk ansuran bulanan yang tertunggak.
12. Bagi PEMINJAM yang lewat membayar mana-mana ansuran bulanan sebagaimana yang ditetapkan oleh PERBADANAN, PEMINJAM adalah bertanggungjawab untuk membayar ta'wid (pampasan) kepada PERBADANAN dikira pada kadar 1% setahun atas baki bulanan di atas amaun yang lewat dibayar. Amaun ta'wid (pampasan) terhadap kelewatan membayar adalah dikira dari tarikh ansuran kena dibayar sehingga bayaran diterima oleh PERBADANAN.
13. Walau apa pun yang dinyatakan dalam Fasal 10 di atas, PERBADANAN berhak atas budi bicara mutlaknya, melaksanakan penjadualan dan/atau penstrukturan semula sekiranya Pinjaman Tersebut mempunyai tunggakan ansuran bulanan.
14. Tanpa menjejaskan hak PERBADANAN di bawah Fasal 18 Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan, PERBADANAN berhak untuk menamatkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan ini sekiranya Peminjam gagal, abai dan/atau cuai melaksanakan tanggungjawab di bawah Fasal ini untuk: -
 - a) memaklumkan kepada PERBADANAN secara bertulis alamat terkini tempat tinggalnya dan alamat terkini tempat bekerjanya dan pendapatannya dengan serta merta kepada PERBADANAN dari semasa ke semasa.
 - b) memaklumkan kepada majikan tempat PEMINJAM bekerja bahawa PEMINJAM adalah penerima Pinjaman pendidikan PTPTN.
 - c) memaklumkan kepada PERBADANAN secara bertulis alamat Emel terkini sekiranya berlaku pertukaran alamat Emel pada BAHAGIAN XI, Jadual Pinjaman.
 - d) peminjam yang bekerja sendiri dan pendapatan Peminjam telah mencapai gaji minimum Potongan Gaji Berjadual hendaklah memaklumkan kepada PERBADANAN berkenaan pendapatan Peminjam bagi tujuan bayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut; dan
 - e) peminjam yang bekerja sendiri dan/atau tidak bekerja hendaklah mengemaskini dan membuat deklarasi jumlah pendapatan pada awal tahun tiap-tiap tahun dan/atau pada bila-bila masa sebelum awal tahun apabila berlaku perubahan pendapatan kepada PERBADANAN melalui kaedah yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

Penamatan ini tidak akan menyentuh hak-hak PERBADANAN termasuk untuk menuntut bayaran balik sekaligus ke atas Keseluruhan Pinjaman Tersebut,

15. PEMINJAM hendaklah mengemukakan semula Borang Maklumat Potongan Gaji kepada PERBADANAN jika berlaku pertukaran majikan PEMINJAM.

ammaz

Tandatangan ringkas

.....
T.T Peminjam

MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM (950515045393)

PTPTN-P-03/24-2016 Pin.7

16. PEMINJAM bertanggungjawab memberitahu PERBADANAN secara bertulis berkenaan pemberian apa-apa biasiswa, dermasiswa, pembiayaan, pinjaman, tajaan atau lain-lain bentuk bantuan kewangan yang diberikan kepadanya semasa berjalannya kursus pengajian yang baginya Pinjaman Tersebut di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan telah diberikan selepas sahaja pemberian biasiswa, dermasiswa, pembiayaan, pinjaman, tajaan atau lain-lain bentuk bantuan kewangan atau selainnya yang diberikan oleh mana-mana agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau lain-lain badan yang pemberian biasiswa, dermasiswa, pembiayaan, pinjaman, tajaan atau lain-lain bentuk bantuan kewangan yang pengeluaran wang tersebut diluluskan oleh Kerajaan untuk tidak dikenakan cukai pendapatan. Apabila PERBADANAN menerima notis itu daripada PEMINJAM, PERBADANAN adalah berhak untuk menarik balik atau berhenti memberi apa-apa jumlah selanjutnya berkenaan dengan Pinjaman Tersebut dan meminta PEMINJAM membayar balik apa-apa Pinjaman Tersebut yang dibayar kepadanya dengan serta-merta termasuk Upah Pengurusan Pinjaman. Kegagalan PEMINJAM untuk memberitahu sedemikian hendaklah disifatkan sebagai suatu pelanggaran terhadap Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan dan PERBADANAN berhak menamatkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PEMINJAM. Jika Perjanjian ditamatkan di bawah Fasal ini, PEMINJAM hendaklah bertanggungjawab membayar balik sekaligus Pinjaman Tersebut yang dibayar kepada PEMINJAM termasuk Upah Pengurusan Pinjaman.
17. Tanpa menjejaskan Fasal 16 Lampiran ini, PERBADANAN boleh atas budi bicara mutlaknya meminta PEMINJAM menyelesaikan apa-apa jumlah Pinjaman Tersebut yang telah dibayar kepada PEMINJAM termasuk Upah Pengurusan Pinjaman sama ada melalui ansuran bulanan atau pemotongan sejumlah amaun yang dipersetujui daripada penaja PEMINJAM yang baru sama ada agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau lain-lain badan yang dinyatakan di bawah Fasal 16 Lampiran ini.
18. Jika PEMINJAM melakukan pelanggaran terhadap mana-mana Fasal dalam Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan, PERBADANAN boleh, menurut budi bicara mutlaknya, menamatkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan dan dengan itu tanpa menyentuh hak-hak PERBADANAN termasuk untuk menuntut bayaran balik sekaligus ke atas Keseluruhan Pinjaman Tersebut termasuk ta'wid (pampasan) daripada PEMINJAM di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan dan PEMINJAM tidaklah lagi mempunyai apa-apa tuntutan ke atas apa-apa manfaat Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan.
19. Walau apa pun yang tersebut di atas, adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa jika PEMINJAM:
- meninggalkan kursus pengajian sebelum tamatnya kursus itu sama ada secara sukarela, atau disebabkan kegagalan;
 - disabitkan dengan pelanggaran apa-apa peraturan universiti, kolej atau institusi yang ditetapkan ke atas PEMINJAM;
 - menukarkan kursus pengajian, tanpa persetujuan bertulis PERBADANAN;
 - digantung daripada kursus pengajian atau dibuang dari universiti, kolej atau institusi di mana kursus pengajian itu atau mana-mana bahagiannya dijalankan atas apa-apa sebab;
 - diisytihar bankrap oleh Mahkamah; atau
 - memperoleh kewarganegaraan asing atau menggunakan hak kewarganegaraan asing atau telah mengisytiharkan taat setia kepada negara lain selain Malaysia atau telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysia; atau
 - telah melakukan apa-apa pelanggaran yang menyebabkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan ditamatkan.

PERBADANAN berhak menamatkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PEMINJAM dan PEMINJAM hendaklah bertanggungjawab membayar balik Pinjaman Tersebut yang dikeluarkan kepada PEMINJAM termasuk Upah Pengurusan Pinjaman sekaligus.

ammam

Tandatangan ringkas

.....
T.T Peminjam

MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM (950515045393)

PTPTN-P-03/24-2016 Pin.7

20. Walau apa pun yang tersebut di atas, PERBADANAN boleh menurut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PEMINJAM menamatkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan pada bila-bila masa, jika PERBADANAN mendapati PEMINJAM memberi maklumat palsu atau tidak tepat dalam apa-apa dokumen yang dikemukakan dan dengan ini segala manfaat bagi dan tanggungan PEMINJAM di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan adalah terhenti tanpa menjejaskan hak PERBADANAN untuk mendapatkan kembali apa-apa Pinjaman yang telah dikeluarkan oleh PERBADANAN kepada PEMINJAM di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan.
21. Tanpa menjejaskan Fasal 7 Lampiran ini, jika PERBADANAN menyediakan satu skim pembayaran balik berkenaan wang yang kena dibayar oleh PEMINJAM ke atas Keseluruhan Pinjaman Tersebut kepada PERBADANAN selain daripada yang ditetapkan di bawah Fasal 7, PEMINJAM adalah dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh dibatalkan untuk membenarkan PERBADANAN membuat perkiraan dengan sesiapa jua majikan PEMINJAM kemudian nanti supaya pendapatannya dipotong dengan sewajarnya bagi pihak PERBADANAN. PERBADANAN adalah berhak pada bila-bila masa untuk mengubah kadar Upah Pengurusan Pinjaman, cara dan/atau masa bagi pembayaran balik itu dan meminta pembayaran balik dengan sertamerta bagi Keseluruhan Pinjaman Tersebut atau sebanyak mana yang masih belum dibayar menurut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberi apa-apa sebab baginya. PERBADANAN juga berhak pada bila-bila masa untuk meminta mana- mana Agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Pertubuhan Keselamatan Sosial membayar daripada saguhati persaraan atau caruman PEMINJAM bagi tujuan pelepasan Keseluruhan Pinjaman Tersebut.
22. PEMINJAM dengan ini memberi pengakuan akan membayar balik kepada PERBADANAN apabila dituntut semua kos dan perbelanjaan untuk menuntut, menyaman atau mendapatkan balik apa-apa wang terhutang oleh PEMINJAM kepada PERBADANAN atau menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan.
23. PEMINJAM dengan ini memberi kebenaran kepada PERBADANAN untuk menghubungi bank PEMINJAM, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial atau mana-mana agensi lain untuk mendapatkan maklumat peribadi PEMINJAM pada bila-bila masa diperlukan bagi tujuan menguatkuasakan Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan dan/atau menjalankan fungsi-fungsi PERBADANAN.
24. Duti setem yang kena dibayar kepada Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan hendaklah ditanggung dan dibayar oleh PEMINJAM.
25. Sebarang kelonggaran, penangguhan tindakan, kelewatan, atau sikap membiarkan oleh PERBADANAN atau wakil yang dilantik oleh PERBADANAN berkenaan dengan melaksanakan mana-mana syarat dan terma Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan ataupun pemberian masa oleh PERBADANAN kepada PEMINJAM, tidak akan dengan apa cara sekalipun memudaratkan, memberi kesan atau mengurangkan hak-hak dan kuasa PERBADANAN di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan, begitu juga sebarang penepian oleh PERBADANAN akan pelanggaran oleh PEMINJAM tidak akan bertindak sebagai penepian terhadap pelanggaran yang berikutnya.
26. Walau apa pun yang tersebut di atas, sekiranya apa-apa peruntukan di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan adalah atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam apa-apa hal sekalipun di bawah apa jua undang-undang, keesahan dari segi undang-undang atau kebolehan untuk dikuatkuasakan peruntukan-peruntukan yang lain tidak akan dalam apa cara sekalipun dijejaskan atau dilemahkan olehnya.
27. PERBADANAN adalah dibebaskan dan tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam melaksanakan Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan darurat seperti rusuhan dan kekecohan awam, mogok, kebakaran, taufan, peperangan, bahaya laut atau kerana sebab-sebab atau bahaya yang di luar kawalan PERBADANAN yang menyebabkan pelaksanaan Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan menjadi mustahil termasuklah perubahan-perubahan dasar Kerajaan yang di luar kawalan PERBADANAN.

ammam

Tandatangan ringkas

.....
T.T Peminjam

MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM (950515045393)**PTPTN-P-03/24-2016 Pin.7**

28. Walau apa pun yang disebut di atas, PEMINJAM adalah bersetuju bahawa apa-apa notis berkenaan pembayaran balik Pinjaman Tersebut yang disampaikan secara elektronik melalui Emel pada Bahagian X, Jadual Pinjaman tersebut adalah mencukupi dan dianggap telah terima dengan sempurna oleh PEMINJAM selepas empat puluh lapan (48) jam Emel tersebut dihantar.
29. Penyampaian Saman, Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan akan menjadi penyampaian yang cukup kepada PEMINJAM jika dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos atau pos berdaftar atau ditinggalkan di alamat seperti yang tersebut dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan atau kepada alamat terkini yang diberikan oleh PEMINJAM secara bertulis kepada PERBADANAN di bawah Fasal 14 dan jika dihantar melalui pos hendaklah disifatkan sebagai diterima oleh PEMINJAM selepas empat puluh lapan (48) jam notis tersebut diposkan.
30. Sebarang notis yang hendak diberikan oleh PEMINJAM kepada PERBADANAN hendaklah secara bertulis dan menjadi penyampaian yang cukup kepada PERBADANAN jika dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos atau pos berdaftar kepada PERBADANAN di alamat seperti yang tersebut dalam Surat Tawaran yang dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan. Jika berlaku pertukaran alamat, PERBADANAN akan memaklumkan perkara tersebut kepada PEMINJAM.
31. Sebarang pertukaran alamat di pihak PERBADANAN akan dimaklumkan kepada PEMINJAM melalui apa-apa kaedah yang difikirkan suai manfaat.
32. Walau apa pun yang tersebut di atas, PERBADANAN berhak pada bila-bila masa menurut budi bicara mutlaknyanya meminda atau menambah terma-terma atau syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan.
33. Seseorang PEMINJAM yang ingin meninggalkan Malaysia dan masih dalam tempoh bayaran balik Pinjaman Tersebut adalah bertanggungjawab memberi notis tiga (3) bulan kepada PERBADANAN. PERBADANAN boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya meminta PEMINJAM untuk membuat bayaran balik sekaligus Keseluruhan Pinjaman Tersebut sebelum PEMINJAM meninggalkan Malaysia.
34. Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan ini adalah dianggap sebagai kontrak yang dibuat di bawah Undang-Undang Malaysia dan bagi semua tujuan akan tertakluk kepada tafsir menurut Undang-Undang Malaysia dan PEMINJAM adalah dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Kuala Lumpur atau mana-mana Mahkamah sebagaimana yang ditentukan oleh PERBADANAN dan PEMINJAM adalah dengan ini mengenyepikan sebarang bantahan terhadap apa-apa tindakan undang-undang yang berbangkit atau yang berkenaan dengan Keseluruhan Pinjaman Tersebut yang dibawa di dalam Mahkamah di Kuala Lumpur atau mana-mana Mahkamah di bawah Undang-Undang Malaysia sama ada atas alasan lokasi atau forum yang menyusahkan.
35. Walau apa pun yang tersebut di atas, PERBADANAN boleh menurut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PEMINJAM menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau mana-mana Pinjaman PEMINJAM dengan PERBADANAN dan PERBADANAN boleh menolak atau memindahkan apa-apa jumlah Pinjaman termasuk Upah Pengurusan Pinjaman bagi mana-mana Pinjaman PEMINJAM dengan PERBADANAN mengikut apa-apa terma dan syarat yang disifatkan oleh PERBADANAN patut dikenakan.
36. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa walau apa pun yang berlawanan yang terkandung di atas, PERBADANAN adalah berhak menurut budi bicara mutlaknyanya menarik balik kemudahan Pinjaman Tersebut sekiranya pada pendapat PERBADANAN munasabah dan PEMINJAM adalah bertanggungjawab menjelaskan sekaligus baki Keseluruhan Pinjaman Tersebut yang masih ada dari tarikh notis dikeluarkan oleh PERBADANAN.
37. PEMINJAM adalah dengan ini bersetuju bahawa perakuan yang dikeluarkan oleh PERBADANAN dan telah diperakui sah oleh Ketua Eksekutif atau mana-mana pegawai yang diberikuasa memperakuiyanya hendaklah tanpa sebarang kesilapan nyata menjadi bukti konklusif mengenai amaun Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan yang belum dijelaskan dan kena dibayar oleh PEMINJAM kepada PERBADANAN bagi tujuan bayaran balik Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan tersebut.
38. Perjanjian ini hendaklah mengikat waris-waris, wasi-wasi dan penerima-penerima serahak PEMINJAM yang sah.
39. Masa adalah menjadi perkara asas di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan / Pinjaman Semula Pendidikan.

Tandatangan ringkas

ammaz

T.T Peminjam

MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM (950515045393)

PTPTN-P-03/24-2016 Pin.7

LAMPIRAN A

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

**Akuan Terimaan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian Pinjaman Pendidikan/
Pinjaman Semula Pendidikan**

Saya **MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM**, No
Kad Pengenalan **950515045393**, rujukan surat tawaran
05813318 dengan ini mengaku bahawa menerima satu salinan surat tawaran
dan dokumen perjanjian Pinjaman Pendidikan/ Pinjaman Semula Pendidikan PTPTN
untuk simpanan saya melalui tarikh serahan di bawah:

Tarikh Serahan: _____ / _____ / _____

Sekian, terima kasih.

ammad

MUHAMMAD AMMAR BIN HASHIM

Tarikh: 10/01/2019

Nota: Akuan ini hanya untuk kegunaan PTPTN sahaja